

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Olmecord
2. Bagaimana Olmecord berfungsi
3. Sebelum menggunakan Olmesartan
4. Cara menggunakan Olmesartan
5. Semasa menggunakan Olmesartan
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Olmesartan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Olmecord digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Bagaimana Olmecord berfungsi Olmecord tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan antagonis reseptor angiotensin-II. Ia merendahkan tekanan darah dengan mengendurkan salur darah.

Sebelum menggunakan Olmecord

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Olmecord jika anda:

- alah kepada Olmesartan medoxomil atau kepada apa-apa bahan lain Olmecord.
- berada dalam trimester kedua dan ketiga kehamilan.
- mengalami masalah pengaliran hempedu dari pundi hempedu (*biliary obstruction*).
- menghidap kencing manis atau fungsi ginjal terjejas dan anda dirawat dengan ubat yang mengandungi aliskiren untuk mengurangkan tekanan darah

Kehamilan dan penyusuan

Jangan ambil Olmecord jika anda mengandung, cuba untuk hamil atau rasa anda mungkin hamil.

Jangan ambil Olmecord jika anda sedang menyusukan anak. Berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Olmecord

Sebelum anda mengambil Olmecord, maklumkan doktor anda jika anda:

- mengalami cirit-birit, muntah, atau anda sedang menerima rawatan tablet air (diuretics) dengan dos tinggi atau diet rendah garam
- mengambil produk perubatan yang menjejaskan sistem renin-angiotensin- aldosterone
- mengalami masalah buah pinggang atau telah menjalani pemindahan buah pinggang baru-baru ini
- menghidap penyakit hati
- mempunyai paras kalium yang tinggi dalam darah
- menggunakan produk perubatan yang diperbuat daripada perencat ACE-inhibitors, reseptor angiotensin II, aliskiren atau litium
- mengalami kegagalan jantung atau masalah dengan injap jantung atau otot jantung
- menghidap *Conn's syndrome* (pengeluaran aldosterone berlebihan)
- mengalami *galactose intolerance*, *Lapp-lactase deficiency* atau *glucose-galactose malabsorption*.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan doktor anda jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk apa-apa ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan, terutamanya ubat berikut:

- Suplemen kalium, pengganti garam yang mengandungi kalium, *potassium-sparing diuretics* atau heparin (untuk mencairkan darah). Menggunakan ubat-ubatan ini pada masa yang sama dengan

Olmecord boleh meningkatkan paras kalium dalam darah anda.

- Litium (ubat yang digunakan untuk merawat *mood swings* dan beberapa jenis kemurungan) yang digunakan pada masa yang sama dengan Olmesartan boleh meningkatkan ketoksikan litium. Jika anda perlu mengambil litium, doktor anda akan mengukur paras darah litium anda.
- *Non-Steroidal Anti-Inflammatory* (NSAIDs) (ubat yang digunakan untuk melegakan kesakitan, bengkak dan simptom-simptom keradangan lain, termasuk *arthritis*) yang digunakan pada masa yang sama dengan Olmecord boleh meningkatkan risiko kegagalan buah pinggang dan kesan Olmecord boleh dikurangkan oleh NSAIDs.
- Ubat penurun tekanan darah lain (ACE-inhibitors, penyekat reseptor angiotensin II atau aliskiren), kerana kesan Olmecord boleh ditingkatkan.
- Antasid tertentu (ubat ketidakhadaman), kerana kesan Olmecord boleh dikurangkan sedikit.
- *Colesevelam hydrochloride*, ubat yang menurunkan paras kolesterol dalam darah anda, kerana kesan Olmecord mungkin berkurangan. Doktor anda mungkin menasihati anda untuk mengambil Olmecord sekurang-kurangnya 4 jam sebelum pengambilan *colesevelam hydrochloride*

Cara menggunakan Olmecord

- Berapa banyak harus digunakan

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini. Jika anda tidak faham arahan pada label, dapatkan bantuan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Dos permulaan yang disyorkan ialah 20 mg tablet sekali sehari.

Walau bagaimanapun, jika tekanan darah anda tidak terkawal, doktor anda mungkin mengubah dos anda sehingga 40 mg sekali sehari, atau menetapkan pengambilan ubat tambahan.

Dalam kalangan pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang ringan hingga sederhana atau penyakit hati sederhana, dos tidak boleh melebihi 20 mg sekali sehari.

Tablet boleh diambil lebih kurang pada masa yang sama setiap hari, dengan atau tanpa makanan. Tablet harus ditelan dengan jumlah cecair yang mencukupi (cth. segelas air). Tablet tidak boleh dikunyah.

- Bila perlu menggunakan Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu digunakan Teruskan mengambil Olmecord selama mana yang disyorkan oleh doktor anda.
- Jika terlupa menggunakan Rujuk doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya. Ambil dos yang terlepas sahaja anda ingat. Jika hampir tiba masanya untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu itu untuk mengambil ubat dan langkau dos yang terlepas. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlepas.
- Jika mengguna berlebihan (terlebi dos) Hubungi doktor anda dengan segera atau dapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika

anda rasa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan perkara ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Pengambilan tablet yang terlalu banyak boleh menyebabkan tekanan darah rendah.

Semasa menggunakan Olmecord

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda betul-betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Olmecord.
Maklumkan doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan hentikan pengambilan ubat melainkan atas arahan doktor anda.
Jangan ambil apa-apa ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
Jangan berikan Olmecord kepada orang lain, walaupun mereka mengalami gejala atau keadaan seperti anda.
- Perkara yang perlu diberi perhatian
Kanak-kanak dan remaja (berumur bawah 18 tahun)

Olmecord tidak disyorkan untuk kanak-kanak dan remaja yang berumur bawah 18 tahun.

Pesakit kulit hitam

Seperti ubat lain yang serupa,

kesan penurunan tekanan darah Olmecord agak kurang dalam kalangan pesakit kulit hitam.

Memandu dan mengendalikan jentera

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika tablet membuat anda berasa loya, pening atau penat, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Olmecord boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Berjumpalah dengan doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas mengambil ubat ini terutamanya mana-mana keadaan berikut:

- Pening
- Sakit kepala
- Keradangan tiub bronkus
- Bengkak farinks
- Batuk
- Loya
- Ketakcernaan
- Cirit-birit
- Sakit perut
- Gastroenteritis
- Radang sendi
- Keletihan
- Sakit tekak
- Hidung berair atau tersumbat
- Radang saluran bronkus
- Bengkak farinks
- Gejala seperti selesema
- Batuk
- Sakit
- Sakit di dada, belakang, tulang atau sendi
- Jangkitan saluran kencing
- Bengkak buku lali, dari buku lali ke bawah, kaki, tangan atau lengan
- Darah dalam air kencing
- Peningkatan paras lemak
- Peningkatan paras asid urik

Olmecord 20, 40

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

(Olmesartan Medoxomil Film-Coated Tablets USP 20 & 40 mg)

- Ketidakhadaman
- Simptom seperti jangkitan influenza
- Perubahan bacaan ujian darah (peningkatan paras lemak, peningkatan paras asid urik, peningkatan bacaan ujian fungsi hati dan otot)

Kesan sampingan yang tidak biasa berlaku:

- Tindak balas alahan yang berlaku dengan pantas dan mungkin menjejaskan seluruh badan. Ia boleh menyebabkan masalah pernafasan serta penurunan tekanan darah secara mendadak yang mungkin mengakibatkan pengsan (tindak balas anaphylactic)
- Vertigo
- Sakit atau rasa tidak selesa pada dada (angina)
- Muntah
- Ruam kulit, ruam kulit akibat alahan, kegatalan, exanthema (sejenis ruam yang tumbuh dengan banyak pada kulit), ruam yang gatal (urticaria)
- Sakit otot
- Bengkak pada muka
- Kelesuan, rasa tidak sihat
- Pengurangan kiraan platelet dalam bacaan ujian darah (thrombocytopenia)

Kesan sampingan yang jarang berlaku

- Tekanan darah rendah
- Bengkak yang berlaku dengan cepat di bawah kulit pada bahagian seperti muka, tekak, lengan dan kaki yang boleh mengancam nyawa sekiranya bengkak pada tekak itu menyekat saluran udara (angioedema)
- Kekejangan otot
- Fungsi buah pinggang terganggu, kegagalan buah pinggang
- Kekurangan tenaga
- Perubahan bacaan ujian darah [peningkatan paras kalium (hyperkalaemia) dan peningkatan paras bahan-bahan yang berkaitan dengan fungsi buah pinggang]

Kesan sampingan yang sangat jarang berlaku

- Sprue-like enteropathy (ciritbirit berserta penemuan struktur vilus yang tidak normal dalam usus kecil)

Kekerapan tidak diketahui

- Keradangan hati autoimun

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat secara terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my

[Consumers → Reporting Side Effectsto Medicines (ConSERF) or Vaccines(AEFI)]

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Olmecord

- Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan ubat ini pada suhu di bawah 30°C.

- Pelupusan

Ubat tidak boleh dibuang melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Olmecord 40 mg tablet:
Berwarna putih hingga putih pudar, berbentuk bulat, dwicembung, tablet bersalut selaput, diukir dengan "IO4" pada satu sisi dan kosong pada satu lagi sisi.

Olmecord 20 mg tablet:
Berwarna putih hingga putih pudar, berbentuk bulat, dwicembung, tablet bersalut selaput, diukir dengan "IO3" pada satu sisi dan kosong pada satu lagi sisi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: *Olmesartan medoxomil*

- Bahan tidak aktif:
Isi tablet

Lactose monohydrate
Hydroxypropylcellulose Microcrystalline Cellulose
Magnesium stearate
Low-substituted hydroxy propyl cellulose LH-21
Isospropyl alcohol

Salutan tablet:
Hypromellose 6cps
Purified Talc
Titanium dioxide
Isospropyl alcohol
Dichloromethane

- *Nombor MAL:*

Pengilang

Intas Pharmaceuticals Ltd.
Plot Number 457-458 & 191/218P,
Sarkhej-Bavla Highway, Matoda, Sanand
Ahmedabad, Gujarat, 382 210,INDIA

Pemegang pendaftaran produk & pengimport:

Accord Healthcare Sdn Bhd (1035160 D)
Suite 12A-15, Level 12A, Wisma Zelan
No 1 Jalan Tasik Permaisuri 2 Bandar
Tun Razak,
56000 Kuala Lumpur

Tarikh Kemas Kini RiMUP

June 2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/064